

KENYATAAN MEDIA

RM 50 JUTA UNTUK KEUSAHAWANAN FRANCAIS 2023

PENAMPANG, 28 MEI 2023 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensinya Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) memperuntukkan sejumlah RM50 juta khusus untuk Skim Pembiayaan Francais dan Pra Francais bagi tahun 2023 untuk pembangunan perniagaan francais selaras dengan nilai Kesejahteraan MADANI untuk usahawan.

Dalam hubungan ini, sebagai usaha membantu usahawan francais tempatan di Sabah berkembang dengan lebih jauh, Pernas telah meluluskan pembiayaan kepada 66 syarikat dengan jumlah RM14,667,149 juta sejak 2009. Antara jenama francais tempatan yang menerima pembiayaan ialah Mok Corner yang melancarkan penjenamaan semula pada hari ini. Jenama ini telah menerima pembiayaan sebanyak RM1 juta sejak tahun 2019. Menerusi bimbingan Pernas, Mok Corner berjaya mendapat lesen francais pada tahun 2016 dan kini mempunyai 39 cawangan di mana 18 cawangan dijalankan oleh francaisi.

YB Datuk Ewon Benedick berkata, perkembangan perniagaan jenama Mok Corner ini menunjukkan jenama tempatan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat sekali gus membuktikan jenama tempatan mampu bersaing dengan jenama-jenama francais antarabangsa yang lain. Kemunculan jenama francais tempatan dari Sabah seperti Kak Nong, Al-Hadanah, Sinar Suria, Nuvis, Fook Yuen dan Daily Electronic Centre (DEC) juga turut merancakkan industri francais. Perkembangan positif ini juga menjadi pemangkin kepada bakal usahawan dan usahawan di Sabah untuk menceburkan diri dalam perniagaan francais.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi turut menyampaikan replika cek kepada Mok Sdn Bhd (MSB), Happy Potato Sdn Bhd dan Tasek Emas Enterprise (Alap-Alap) dengan jumlah keseluruhan RM2.176 juta. Selain itu, turut disampaikan Sijil Pra-Francaisor kepada Skippee yang merupakan jenama di bawah Program Business In Transformation (BIT) Pernas.

Sejak 2004, sebanyak RM428 juta telah disalurkan kepada 2,162 usahawan untuk pembangunan industri francais negara. KUSKOP menerusi Pernas terus komited melaksanakan semua inisiatif untuk memastikan kemajuan dan kejayaan usahawan francais. Ini bertepatan dengan ikhtiar Bitara MADANI yang memberi fokus kepada pembangunan keusahawanan yang memerlukan jangka masa yang panjang dalam merealisasikan kejayaan.

Majlis ini turut dihadiri YBhg. Dato' Hazimah binti Zainuddin, Pengerusi Pernas, Encik Stanley Sikolis, Penolong Pegawai Daerah Penampang, Encik Jacky Chin dan Encik Ricky Chin, Pengarah dan Pengasas Bersama Jenama Mok Corner serta wakil-wakil agensi KUSKOP.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

Datin Suriani Abdul Rahman

Ketua Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Tel: 03-8883 6152 Emel: surianiar@kuskop.gov.my

Puan Nurzahirah Md Zamri,

Jabatan Komunikasi Strategik

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)

Tel : 03-2082 7788 samb. 7949 Emel: nurzahirah.zamri@pernas.my

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Pernas adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

- 1. Skim Pembiayaan Francais untuk perniagaan dan usahawan francais yang merangkumi semua keperluan perniagaan francais termasuk perbelanjaan modal and keperluan modal kerja;*
- 2. Pembiayaan Ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan*
- 3. Khidmat nasihat merangkumi sokongan kepada pembangunan usahawan bumiputera dan perniagaan francais untuk meningkatkan daya saing dalam persekitaran perniagaan.*

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai enam pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah (Kota Kinabalu dan Sandakan) serta Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francaisor dan francais.